



AGENSİ PENGUATKUASAAN MARİTİM MALAYSİA
JABATAN PERDANA MENTERİ
Tingkat 4-11, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA



Tel: 603-89957019
Faks: 603-89411000
Web: <http://www.mmea.gov.my>

Rujuk : APMM PRO 100 - 2/1/1 Jld 1- ()
Tarikh : 29 Mac 2014

SIARAN AKHBAR

PERBARISAN TAMAT LATIHAN PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT (LLP) SIRI 11-2013 AGENSİ PENGUATKUASAAN MARİTİM MALAYSİA

KUANTAN, 29 MAC – Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Yang Berusaha Tuan Samsuni bin Mohd Nor telah menyempurnakan Upacara Tamat Latihan Pegawai Penguat Kuasa Lain-lain Pangkat Siri 11-2013 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia hari ini di Padang Kawad Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) Gebeng, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

2. Upacara tamat latihan ini diadakan untuk mengiktiraf 165 pelatih pegawai LLP yang kesemuanya lelaki, berjaya menempuh 9 bulan latihan di AMSAS.
3. Sebelum latihan, kesemua pegawai penguat kuasa LLP pengambilan Siri 11-2013 ini dipilih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berdasarkan kelayakan akademik dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kemudian, mereka perlu melepasi ujian fizikal, kesihatan dan akademik untuk membolehkan mereka dilantik sebagai pegawai agensi ini.
4. Pegawai-pegawai ini telah memulakan Kursus Asas Pegawai Penguat Kuasa Lain-lain Pangkat bermula 21 Jun 2013. Objektif utama kursus ialah memberi pengetahuan khusus dalam bidang pengoperasian kapal serta tugas-tugas penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia. Selain itu, ianya bertujuan membina kekuatan fizikal dan mental, membentuk watak diri yang positif iaitu berdisiplin, setia,

yakin dan berani serta membentuk semangat kerja berpasukan. Penekanan juga diberikan untuk melahirkan seorang penguat kuasa maritim yang berintegriti.

5. Setelah tamat latihan di AMSAS, pegawai LLP ini perlu menjalani latihan praktikal di laut selama empat bulan dengan mengikuti latihan pelayaran dan operasi di kapal-kapal Maritim Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Latihan ini akan mendedahkan mereka dalam aspek pengoperasian kapal yang melibatkan pandu arah am, komunikasi, mengawal kebakaran dan mencegah kerosakan kapal dan latihan pemeriksaan/penggeledahan kapal/bot.

6. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Maritim Malaysia dalam ucapan beliau berharap agar kesemua penguat kuasa maritim ini sentiasa mengamalkan budaya dan cara hidup yang sihat iaitu Kesegakan, Kecergasan dan Kesihatan (3K) dalam pembentukan dan pembangunan modal insan yang mantap.

7. “Untuk menjadi sebuah angkatan penguatkuasaan yang unggul dan disegani pula, kita hendaklah sentiasa mengamalkan konsep kerja sebagai satu ibadah,” katanya.

8. Kesemua penguat kuasa maritim ini telah melalui pelbagai tahap ujian bagi menilai prestasi mereka dari masa ke semasa untuk memastikan mereka berupaya mencapai nilai kecemerlangan yang diperlukan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Mereka yang telah berjaya mencapai kecemerlangan sepanjang kursus asas ini dianugerahkan piala pusingan sebagai pengiktirafan kejayaan mereka, kesungguhan dan pencapaian-pencapaian yang dipamirkan sepanjang latihan. Empat anugerah tersebut ialah Anugerah Terbaik Keseluruhan, Anugerah Akademik Terbaik, Anugerah Kawad Terbaik, dan Anugerah Sukan Terbaik.

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN APMM & AMSAS

9. Pada 2 Mac 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah berkenan mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penamaan AMSAS yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan dan Akademi Maritim Malaysia.

10. Kerajaan juga bersetuju supaya kursus generik dalam bidang Penguatkuasaan Maritim dan Mencari dan Menyelamat Maritim dipusatkan ke AMSAS melalui Mesyuarat Majlis Latihan Sektor Awam (MLSA) pada bulan Disember 2011 yang lalu. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menyelaras kesemua Institut Latihan Awam (ILA) yang dilantik dan INTAN akan berfungsi sebagai pendaftar kepada semua ILA dan Pengarah Pendidikan dan Latihan AMSAS telah dilantik sebagai *Chief Executive Officer (CEO)* bagi keahlian Majlis Eksekutif ILA.

11. AMSAS merupakan *core centre* bagi kursus generik bidang yang terlibat dan berperanan sebagai *Champion*, bagi melaksanakan perkara berikut:

- Menyediakan panduan pelaksanaan pemusatan kursus generik dalam bidang latihan terlibat
- Sebagai pusat rujukan utama ILA lain serta sebagai penggubal utama dalam membangunkan kurikulum dan pelan/modul latihan kursus generik agar menepati standard yang telah ditetapkan.
- Menyediakan khidmat runding dalam penentuan SME, kurikulum dan pelan latihan/modul kursus generik dalam bidang berkaitan.

12. Selain itu, AMSAS juga telah memperolehi Sijil *Basic Training dan Kursus Engineering Officer* dibawah STCW yang merupakan kendalian Jabatan Laut Malaysia bagi memenuhi kompetensi pegawai penguat kuasa pada Disember 2011. Dipersijilkan MS ISO 9001:2008 pada 8 Februari 2012.

13. Selaras dengan objektif Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2040 (PPSMM 2040) untuk membangunkan Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Sumber Manusia yang berprestasi tinggi, agensi menyasarkan untuk menjadikan AMSAS sebagai Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence (CoE) menjelang tahun 2015 melalui *Critical Agenda Projects* (CAP).

14. Sejak tahun 2007 hingga kini, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah berjaya melatih seramai 467 Orang Pelatih Pegawai Penguat Kuasa dan 1,880 Orang Pelatih Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 2,347 orang. Adalah menjadi harapan pucuk pimpinan dengan pengisian perjawatan ini akan dapat mengurangkan kekangan sumber manusia terlatih di semua penempatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai perhubungan awam AMSAS:

1. Lt (M) Mohd Fairusnizam bin Abdul Razak (019-9915897)
2. LK I Maritim Hazeera Usman (010-7664696)